



SIARAN MEDIA

KASIHNITA PERKUKUH JARINGAN SOKONGAN DAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

KUCHING, 19 JULAI 2026 : Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, di Hotel Grand Continental, Kuching.

Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa berdasarkan Statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Malaysia merekodkan seramai 341,784 ibu tunggal, manakala Sarawak mencatatkan 27,443 ibu tunggal. Statistik ini mencerminkan keperluan berterusan untuk memperkukuh jaringan sokongan dan memperkasa golongan ibu tunggal agar mereka terus berdaya saing serta mampu meningkatkan kesejahteraan diri dan keluarga.

Seiring dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperhalusi definisi ibu tunggal kepada tiga kategori utama bagi memastikan setiap dasar, program dan bentuk bantuan dapat disasarkan secara lebih tepat, inklusif dan berkesan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Untuk makluman, Program KasihnITa di Sarawak pada tahun ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila jumlah permohonan yang diterima melebihi kapasiti penyertaan yang telah

ditetapkan. Sebanyak 417 jumlah permohonan telah diterima daripada seluruh negeri Sarawak bagi menyertai program ini pada tahun ini. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa keperluan terhadap program pemerkasaan seperti ini semakin meningkat dalam kalangan ibu tunggal.

KPWKM komited untuk terus memperluas pelaksanaan program seumpama ini sebagai sebahagian daripada usaha memperkasa wanita, memperkukuh institusi keluarga dan memastikan golongan ibu tunggal tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Sapit dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
19 JULAI 2026